



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/12/128 (HQ)

### **200 MURID TERIMA KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN MELALUI PROGRAM JOM KE SEKOLAH TNB 2016**

Dua ratus (200) murid daripada keluarga kurang berkemampuan di Lenggong, Perak hari ini menerima sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan dari **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** untuk sesi persekolahan tahun 2016.

Program Jom ke Sekolah atau *Back To School* ini merupakan salah satu program tahunan Tanggungjawab Korporat TNB bagi meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah.

Sumbangan disampaikan oleh Ahli Parlimen Lenggong, Y.B. Dato' Shamsul Anuar Nasarah di Dewan Dataran Parlimen Lenggong, Kg. Padang Kunyit, Gerik. Murid terlibat adalah dari tahun satu hingga enam dari beberapa buah sekolah di Lenggong.

Pengurus Besar Negeri (Perak), Bahagian Pembahagian TNB, Dato' Mohd Zahir Md. Nagor berkata sumbangan TNB termasuklah pakaian seragam sekolah, kasut dan beg sekolah keseluruhannya bernilai RM45,000.

Sumbangan kelengkapan sekolah ini turut dilaksanakan di 15 bagi Kawasan Parlimen di lapan (8) buah negeri iaitu Sabah, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 4,000 murid menerima sumbangan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM900,000.00.

Pada tahun 2013, seramai 1,299 orang murid daripada 78 buah sekolah di tujuh (7) buah negeri di Semenanjung telah mendapat manfaat dari program ini. Manakala dalam tahun 2014 seramai 2,489 orang murid daripada 109 buah sekolah di sembilan (9) buah negeri.

**Dikeluarkan di Lenggong, Perak pada 29 Disember 2015**

*Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Wan Maria di talian 012-868 1056 /  
Siti Azlin di talian 012-660 7512 / Asyraf Zahardin 017-355 7508*

[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)